



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU
PERPADUAN 2026 ZON TENGAH & PROGRAM
BERMALAM DI MUZIUM BELIA

16 MEI 2026 (SABTU)

DATARAN MUZIUM NEGARA,
JABATAN MUZIUM MALAYSIA
KUALA LUMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

(*akan disediakan secara berasingan)

PENGENALAN

1. Terlebih dahulu, saya menzahirkan rasa sukacita kerana dapat berhimpun bersama-sama pada pagi ini bersempena **Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 dan Program Bermalam Di Muzium Belia.**
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Jabatan Muzium Malaysia serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya)** atas kerjasama erat dan usaha berterusan dalam memastikan kelancaran program selama tiga hari ini.
3. Tidak dilupakan juga **Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Wilayah Persekutuan** atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan Sambutan Minggu Perpaduan ini.

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sambutan Minggu Perpaduan merupakan program flagship Kementerian Perpaduan Negara yang diperkenalkan sejak tahun 2023 sebagai **wadah untuk menyemarakkan semangat perpaduan, memperkukuh kefahaman terhadap kepelbagaian budaya serta mempertingkatkan integrasi nasional** dalam kalangan rakyat Malaysia.

5. Kini, **Sambutan Minggu Perpaduan telah memasuki tahun keempat pelaksanaannya** dan terus mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara telah merangka pelaksanaan sambutan ini di enam zon utama, iaitu **Zon Utara di Perak, Zon Timur di Kelantan, Zon Tengah di Kuala Lumpur, Zon Selatan di Melaka, Zon Sarawak di Miri serta Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan di Sabah.**

6. Bagi **Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah** ini, sebanyak lebih 30 aktiviti menarik telah dirangka, antaranya adalah **Pameran Kami Anak Malaysia, program Bermalam di Muzium Bersama Belia,**

Ekplorasi Muzium Bersama Unduk Ngadau, Unity Brisk Walk Busana Etnik, Kempen Derma Koleksi, Pesta Sambal Perpaduan, persembahan Colourful Malaysia, Foodunites, lawatan berpandu percuma pada waktu malam bersama Sukarelawan Muzium Jabatan Muzium Malaysia dan pelbagai aktiviti lain.

7. Program-program yang dianjurkan bukan sahaja menjadi platform untuk masyarakat pelbagai kaum dan latar belakang berinteraksi dalam suasana harmoni, malah turut **membuka ruang untuk memperkukuh hubungan muhibbah, memupuk sikap kebersamaan dan menyemai rasa cinta akan negara.**

8. Dalam konteks negara yang kaya dengan kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa seperti Malaysia, **rakyat perlu memahami serta menghargai kepelbagaian ini sebagai kekuatan utama yang menjadi asas kestabilan dan kemajuan negara.** Kepelbagaian bukanlah jurang yang memisahkan, sebaliknya merupakan keunikan yang memperkayakan identiti nasional serta membentuk masyarakat yang lebih matang, saling menghormati dan bertoleransi.

9. Melalui **penghayatan terhadap nilai faham, hormat, terima dan meraikan, rakyat dapat membina perkongsian identiti bersama** sebagai warga Malaysia yang bersatu hati walaupun berbeza latar belakang. **Semangat inilah yang menjadi tunjang kepada pembinaan Negara Bangsa**, iaitu sebuah negara yang bukan sahaja maju dari sudut pembangunan fizikal, tetapi juga kukuh dari segi perpaduan, keharmonian sosial dan rasa kebersamaan dalam kalangan rakyat.

MUZIUM TAPAK INTEGRASI NASIONAL

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Pemilihan Muzium Negara sebagai lokasi penganjuran Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 amat bertepatan kerana **muzium bukan sekadar institusi penyimpanan artifak dan khazanah sejarah, malah berperanan sebagai tapak integrasi nasional yang menyatukan rakyat melalui penghayatan terhadap sejarah, warisan dan identiti negara.**
11. Penganjuran **Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah ini juga amat signifikan kerana bertepatan dengan sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 yang bakal**

diraikan di seluruh dunia pada 18 Mei ini. Pada tahun ini, sambutan tersebut membawa tema **“Museums Uniting a Divided World”** atau **“Muzium sebagai Wadah Penyatuan Dunia yang Terpisah”**, yang jelas menggambarkan peranan penting muzium sebagai medium penyatuan masyarakat melalui perkongsian sejarah, budaya dan nilai kemanusiaan sejagat.

12. Sehubungan itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan bahawa **sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 pada 18 Mei ini, kesemua 19 muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia akan dibuka secara percuma kepada seluruh warganegara Malaysia.** Inisiatif ini diharap dapat menggalakkan lebih ramai rakyat, khususnya generasi muda, untuk mengunjungi muzium, mendekati sejarah dan warisan negara serta menghayati peranan muzium sebagai institusi ilmu, pemangkin perpaduan dan medium pembinaan identiti bangsa.
13. Untuk makluman semua, Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor akan menganjurkan **Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2026 yang akan berlangsung di negeri Johor pada 23 hingga 30 Jun**

2026. Penganjuran ini diharapkan dapat menjadi platform penting dalam memperkukuh peranan muzium sebagai ruang pendidikan, pemeliharaan warisan serta medium penyatuan masyarakat pelbagai kaum, budaya dan latar belakang.

14. Selain itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa Kerajaan MADANI kekal komited dalam usaha meremajakan institusi muzium agar terus relevan, dinamik dan dekat dengan masyarakat. Sehubungan itu, julung kalinya **Geran Padanan Muzium diperkenalkan menerusi Belanjawan 2026** sebagai inisiatif untuk memperkasa pembangunan serta transformasi sektor permuziuman negara. Geran ini memberi keutamaan kepada projek dan program yang bersifat *rakyat-centric* serta memberi manfaat langsung kepada rakyat, meliputi empat skop utama iaitu **pembangunan infrastruktur kekal, pendigitalan muzium, penyediaan ruang pendidikan dan pelaksanaan program permuziuman.**

15. Kedua, cadangan penetapan dasar bagi penggubalan **Rang Undang-Undang Muzium Malaysia (RUUMM) telah dibentangkan dan dipersetujui secara dasar dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 April 2026.** Penggubalan RUUMM ini merupakan langkah penting

dalam memperkukuh ekosistem permuziuman negara kerana ia bakal menjadi undang-undang Persekutuan pertama yang digubal secara khusus bagi mengawal selia penubuhan, pendaftaran serta pengurusan aktiviti permuziuman di negara ini. **Akta ini akan terpakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, meliputi aspek penubuhan Majlis Muzium Malaysia (MMM), tadbir urus muzium Persekutuan dan persendirian, pewujudan Daftar Muzium serta Daftar Koleksi.**

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

16. Akhir kata, saya berharap agar Sambutan Minggu Perpaduan terus menjadi medan terbaik untuk menyemai semangat kebersamaan, memperkukuh persefahaman dan memupuk rasa saling menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia.
17. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 ini, khususnya para

penganjur, rakan strategik, sukarelawan serta seluruh masyarakat yang hadir memberikan sokongan.

Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 dan Program Bermalam di Muzium Bersama Belia.

Sekian, terima kasih.